

## Konsep Sastera Islam oleh Muhammad Qutb dan Muhammad Uthman El-Muhammady: Satu Perbandingan

### *The Concept of Islamic Literature by Muhammad Qutb and Muhammad Uthman El-Muhammady: A Comparative Study*

Asma' binti Mohd Yusof<sup>1</sup>

Nursafira binti Ahmad Safian, PhD<sup>2</sup>

#### **ABSTRAK**

*Persoalan tentang gagasan sastera Islam di dunia Arab telah dimulakan oleh beberapa tokoh ilmuan, antaranya Muhammad Qutb. Perbahasan Muhammad Qutb ini secara tidak langsung telah tempias ke dunia Islam, termasuk di Malaysia. Antara ulama Malaysia yang menyahut seruan Muhammad Qutb dalam membincangkan persoalan ini ialah Muhammad Uthman el-Muhammady melalui "Gagasan Sastera Melayu Islami". Sehubungan itu, artikel ini bertujuan membincangkan konsep dan gagasan sastera Islam yang dikemukakan oleh Muhammad Qutb dan Muhammad Uthman el-Muhammady. Selain itu, objektif artikel ini untuk melihat perbandingan idea sastera Islam antara kedua-dua tokoh. Reka bentuk kajian ini ialah kajian perbandingan dengan menggunakan pendekatan kajian kualitatif sebagai metode pengumpulan dan analisis data. Perbandingan difokuskan terhadap pemikiran Muhammad Qutb dan Muhammad Uthman el-Muhammady tentang konsep sastera Islam. Dapatkan kajian menunjukkan kedua-dua tokoh berusaha untuk menjelaskan konsep dan gagasan sastera Islam berdasarkan perspektif dan kepakaran masing-masing. Walaupun berasal dari dunia sastera yang berbeza, kedua-dua tokoh secara umumnya bersetuju rujukan sastera Islam bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Namun begitu, wujud titik pertembungan antara kedua-dua tokoh berkenaan lantaran beberapa faktor*

**Kata Kunci:** Sastera Islam, Sastera Melayu, Sastera Arab, Muhammad Qutb, Muhammad Uthman el-Muhammady.

#### **ABSTRACT**

*The concept of Islamic literature in Arab world has been initiated by some scholars, including Muhammad Qutb. However, his concept has influenced the notion of some Malaysian scholars indirectly. Among those salient scholars is Muhammad Uthman el-Muhammady whom discussed the concept of Islamic literature through "Gagasan Sastera Melayu Islami". This article aims to discuss the concept and idea of Islamic literature proposed by Muhammad Qutb and Muhammad Uthman el-Muhammady as well as to compare between both of their views, highlighting the aspects of similarities and differences. The researchers make use in the study analytical and comparative methods using qualitative approach as data collection and analysis, focusing on the concept of Islamic literature*

<sup>1</sup> Asma' binti Mohd Yusof merupakan pelajar Sarjana Bahasa dan Kesuasteraan Arab di Jabatan Bahasa dan Kesuasteraan Arab di Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau boleh dihubungi melalui emel [asma1yusof@gmail.com](mailto:asma1yusof@gmail.com).

<sup>2</sup> Nursafira binti Ahmad Safian merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa dan Kesuasteraan Arab di Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan beliau boleh dihubungi melalui alamat emel [nursafira@iium.edu.my](mailto:nursafira@iium.edu.my).

*discussed by Muhammad Qutb and Muhammad Uthman el-Muhammady respectively in their books. This study found that both of the scholars presented the concept and idea of Islamic literature according to their views and expertise. Although they are coming from different literary world, they generally agreed that the main reference for Islamic literature are al-Quran and al-Sunnah. Nevertheless, there are similarities and differences between both of their concept due to several factors.*

**Keywords:** Islamic Literature, Malay Literature, Arab Literature, Muhammad Qutb, Muhammad Uthman el-Muhammady.

## Pendahuluan

Sebelum kedatangan Islam ke Tanah Arab, aktiviti-aktiviti berkaitan kesenian ataupun sastera seperti deklamasi puisi adalah suatu kebiasaan bagi masyarakat Arab Jahiliah. Ianya menjadi suatu kemestian bagi mereka, terutama dalam acara keraian seperti sambutan perayaan, majlis perkahwinan, sambutan kelahiran baru, sebagai motivasi kepada tentera-tentera sebelum berperang dan di saat menyambut kepulangan saudara-saudara mereka selepas perang, bahkan ianya turut diperdengarkan sebagai tanda meratapi kematian. Menyoroti penggunaan kalimah sastera di dalam Bahasa Arab, ianya dikenali sebagai *al-adab* bagi masyarakat Arab Jahiliah, yang membawa kepada pengertian etika, moral, perilaku yang baik dan hubungan yang baik antara manusia. Di dalamnya terkandung makna pelawaan untuk makan dan menikmati hidangan, ianya terbit dari perkataan *al-ma'dabah* yang bermaksud makanan yang terhidang untuk tetamu dan seterusnya menjadi perkataan *adaba ya'dabu* yang bermaksud membuat makanan dan menjemput orang menikmati makanan (Nur Chalis, 2004: 10-12).

Seiring dengan perubahan zaman, pengertian *al-adab* turut berevolusi bermula selepas kedatangan Islam ke Tanah Arab. Hal ini dapat kita lihat menerusi pandangan al-Mubarrid (1997) di dalam pengantar buku beliau berjudul *al-Kamil fi al-Lughah wa al-Adab*, yang menyifatkan perkataan *al-adab* ialah sastera yang merangkumi seni prosa (*nathar*) dan puisi (*syi'r*) seperti *mathal*, pidato serta penulisan surat. Biarpun telah melewati pelbagai zaman, melalui takrifan ini dapat dibuktikan bahawa, ilmu serta aktiviti kesusasteraan Arab telah lama wujud. Tempias Agama Islam ke Tanah Arab sedikit demi sedikit telah merubah landskap sastera Arab melalui pengaruh elemen-elemen Islam ke atas puisi-puisi mereka sehingga lahirnya sastera Islam.

Menurut Rosni (2015: 71), bibit-bibit kemunculan sastera Islam di Timur Tengah mula dirasai pada awal dekad lima puluhan dan lahir berikutnya daripada arus kebangkitan Islam sendiri yang dibawa oleh tokoh-tokoh reformasi Islam yang ingin menjadikan bahan sastera sebagai medan dakwah untuk menyedarkan masyarakat melalui mesej-mesej reformasi yang dibawa. Peluang ini dimanfaatkan sebaiknya oleh mereka melalui penghasilan buku-buku yang penuh dengan idea-idea perjuangan berunsur keislaman, hasil tulisan pelopor sastera Islam moden (Adli, 2007: 5) dan juga aktivis Ikhwanul Muslimin, Sayyid Qutb. Beliau membawa mesej yang sangat jelas di dalam buku-buku dan artikel-artikel berkaitan sastera Islam antaranya *Manhaj al-Adab fi al-Tarikh: Fikrah wa Manhaj, al-Naqdu al-Adabi* dan *Khasais al-Tasawwur al-Islami*.

Legasi pemikiran Sayyid Qutb telah diteruskan oleh saudara beliau, Muhammad Qutb yang diterjemahkan melalui hasil karya yang bertajuk *Manhaj al-Fann al-Islami*, malah buku tersebut sehingga kini kekal menjadi rujukan kepada pengkaji terkemudian yang mengamati

bidang sastera Islam bersumberkan Bahasa Arab. Hakikatnya, medan perbahasan ini tidak hanya melibatkan Qutb bersaudara sahaja, malah kemunculan beberapa orang tokoh dari Timur Tengah yang lain turut mewarnai kerancakan pembinaan tasawwur kesusasteraan Islami. Antara tokoh-tokoh yang seharusnya tidak dilupakan: ‘Imad al-Din Khalil, ‘Abd al-Hamid Buzawainah, ‘Abd al-Mun’im Khafaji, Sheikh Abu Hasan ‘Ali al-Nadwi; yang merupakan seorang ulama terkemuka kelahiran India, Sayyid Sayyid ‘Abd al-Raziq, Muhammad Hasan Burayghish dan lain-lain nama besar lagi (Adi, Zulkarnain & Pabiyyah, 2015: 36; Badri Najib & Nursafira, 2013: 66).

Manakala sekitar tahun 70-an, fenomena kebangkitan semula gerakan Islam atau gerakan dakwah secara global turut memberi kesedaran dan kesan yang signifikan dalam kalangan masyarakat (Shafie, 2000: 432) sebagai mana yang dialami oleh dunia Arab sehingga mempengaruhi masyarakat Nusantara. Di negara jiran seperti di Indonesia misalnya, genre sedemikian telah diterima baik oleh masyarakat sehingga wujud pelbagai nama yang merujuk kepada sastera Islam (Faizal, 2012: 43).

Manakala di Malaysia, biarpun perbahasan mengenai teori, gagasan ataupun konsep sastera Islam tidak serancak lapangan politik, ekonomi maupun isu pendidikan, tambahan pula dilihat oleh sesetengah pihak sebagai sekadar kegiatan bermusim, namun, rentetan daripada polemik sastera Islam yang membabitkan Sasterawan Negara, Allahyarham Shahnon Ahmad dan Kassim Ahmad, hakikatnya telah membuka satu dimensi baharu dalam dunia sastera Islam di tanah air dengan lahirnya beberapa gagasan berkaitan sastera Islam oleh tokoh ilmuan Islam alam Melayu. Menurut Bukhari Lubis (2015: 4), pemikiran ini telah disambut baik oleh tokoh-tokoh Melayu Islam terkemuka seperti Shahnon: *Teori Sastera Islam*; Mohd. Affandi Hassaan: *Persuratan Melayu Baru*; dan Shafie Abu Bakar: *teori Takmilah*. Gagasan-gagasan lain seperti *Faham Sastera Islami* (Syed Muhammad Naquib al-Attas), *Kritikan Melayu* (SN Syed Othman Syed Omar), *Pengkaedahan Melayu* (Hashim Awang), *Gagasan Sastera Melayu Islami* (Muhammad Uthman el-Muhammady) dan *Gagasan Sastera Islami* (Muhammad Kamal Hassan).

Kesungguhan yang ditunjukkan oleh tokoh-tokoh dari dua benua ini dalam memartabatkan sastera Islam amat terpuji sehingga menjadi tumpuan para pengkaji. Sehubungan itu, kajian ini memfokuskan kepada pandangan dua sosok tokoh terkemuka dari benua dan zaman berbeza iaitu, Muhammad Qutb dari Timur Tengah, manakala Muhammad Uthman el-Muhammady (setelah ini, menggunakan el-Muhammady) dari Malaysia, bertujuan untuk melihat persamaan serta perbezaan pandangan mereka terhadap konsep sastera Islam serta ciri-cirinya. Tidak dinafikan, pandangan tentang konsep kesusasteraan Islam oleh setiap tokoh berbeza. Hal ini kerana kedua-dua tokoh mempunyai sudut pandangan yang tersendiri meskipun mereka menyetujui bahawa rujukan sastera Islam secara umumnya bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Apa yang penting, tujuan utama perbahasan mengenai kedua-dua tokoh sastera ini ialah untuk melihat titik pertemuan di antara kedua-dua pendapat mengenai sastera Islam melalui pemikiran tasawuf yang diharap akan memberi nilai tambah terutama rujukan dalam cabang sastera bandingan khususnya dalam sastera Islam tercapai.

## Tinjauan Literatur

Menurut Adli dan Rahmah (2009) berkenaan kupasannya mendapati bahawa dalam menghasilkan kegiatan sastera, Muhammad Qutb menitikberatkan aspek seni dalam menggambarkan emosi, pemikiran, falsafah dan juga kaedah yang digunakan. Hal ini merupakan usaha Muhammad Qutb dalam menyampaikan mesej kepada pembaca, sehingga

beliau merasakan bahawa idea perlu dilontarkan dengan ungkapan yang indah melalui gambaran yang seakan-akan hidup; kerana menurut beliau perkara ini merupakan cara terbaik untuk menyampaikan dakwah kepada orang lain.

Adli (2017), membahaskan mengenai el-Muhammady daripada sudut pandangan yang berbeza berbanding tokoh-tokoh sebelum beliau dan yang sezaman dengan beliau dengan menyerlahkan sisi tasawuf serta sikap el-Muhammady yang konsisten terhadap kepentingan konsep penyucian jiwa bagi seseorang sasterawan Islam. Kajian ini dilakukan dengan merujuk kepada buku-buku serta kertas kerja yang ditulis oleh el-Muhammady. Hasil dapatan menunjukkan bahawa konsep penyucian jiwa amat penting diaplikasikan oleh semua pengkarya agar matlamat dakwah dapat dicapai dalam melahirkan masyarakat “Rabbani”.

Dalam aspek kajian sastera bandingan, Rahmah dan Mohd Shahrizal (2011) memfokuskan kepada persamaan dan titik pertembungan idea antara kedua-dua tokoh tentang sastera Islam serta sumbangan kedua-dua tokoh dalam dunia sastera Islam menunjukkan bahawa kedua-dua tokoh memberi penekanan terhadap mesej dalam sebuah karya, malah karya tersebut perlu ada hubung kait dengan kehidupan secara langsung, begitu juga dengan pengiktirafan terhadap sastera klasik; kerana sastera ini sangat bermanfaat dalam menyampaikan ilmu kepada khalayak umum.

### Latar Belakang Muhammad Qutb

Muhammad Qutb dilahirkan pada 26 April 1919, di kampung Musya, daerah Asyut, Mesir. Beliau merupakan adik kepada tokoh pelopor sastera Islam moden yang terkenal, Sayyid Qutb. Muhammad Qutb merupakan antara tokoh intelektual Mesir yang telah menulis berpuluhan buku berkaitan pemikiran Islam. Antara buku-buku yang telah dihasilkan oleh beliau ialah *Manhaj al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*, *Manhaj al-Fann al-Islami*, *Dirasat fi al-Nafs al-Insaniyyah*, *al-Mustasyriqun wa al-Islam*, *Rakaiz al-Iman* dan banyak lagi. Oleh sebab beliau mempunyai latar belakang dalam bidang kesusasteraan bahasa Inggeris serta memiliki Diploma Psikologi Pendidikan dari Universiti al-Kaherah, maka adalah tidak menghairankan apabila kita dapat minat serta kepakaran beliau di dalam bidang kesusasteraan amat menonjol, sehingga karya-karya beliau menjadi rujukan penting bagi para sasterawan dan ilmuwan dalam bidang kesusasteraan Islam, baik di tanah Arab maupun di seluruh pelosok dunia.

Pada tahun 1972, setelah beliau dibebaskan dari penjara ketika pemerintahan Jamal Abdul Nasser, beliau telah mengajar di Universiti Ummul Qura, Mekah dan kemudian berpindah ke Universiti King Abdul Aziz, Jeddah. Sewaktu beliau di Jeddah, beliau sangat aktif dalam menerbitkan artikel-artikel berkaitan isu pemikiran kontemporari seperti isu sekularisme serta kesannya dalam kehidupan masa kini dan kepentingan berjihad. Sumbangan beliau yang amat besar telah mendapat perhatian umum sehingga dianugerahkan “King Faisal International Prize” pada tahun 1988. Beliau meninggal dunia pada 4 April 2014, di Jeddah (Al-Jazeera Encyclopedia: [محمد قطب](http://www.aljazeera.net/encyclopedia/icons/2014/4/8/)).

Seperti yang diketahui umum, Muhammad Qutb merupakan seorang penulis yang banyak menghasilkan karya-karya Islam malah beliau dianggap sebagai seorang yang berpengetahuan, pemikir dan aktivis yang masyhur dengan gerakan Islam moden. Karya-karya beliau menjadi rujukan penting dalam membincangkan idea-idea berkaitan pemikiran Islam yang berbeza dengan pemikiran Barat. Muhammad Qutb meghubungkan beberapa idea

dengan konsep realisme melalui beberapa karyanya yang cuba ditafsirkan menurut pandangan Islam.

Muhammad Qutb berpandangan bahawa agama bertemu dengan hakikat jiwa melalui seni, manakala akidah pula bertemu dengan seni pada dasar jiwa, sebagaimana kedua-dua agama dan akidah bertemu dalam alam realiti. Beliau menguatkan hujah dengan menyatakan bahawa seni Islam tidak semestinya hanya membicarakan soal Islam, bukan nasihat secara langsung dan bukan semata-mata tuntutan dalam melakukan kebaikan, bukan juga semata-mata hakikat yang lahir daripada falsafah, bahkan seni Islam merupakan lakaran kepada gambaran bagi segala yang wujud dalam kehidupan berpaksikan kepada fikrah Islam (Muhammad Qutb, 1983: 6).

### **Latar Belakang Muhammad Uthman el-Muhammady**

Beliau dilahirkan pada 9 Februari 1943 dan meninggal dunia di Kuala Lumpur pada 25 Mac 2013 sewaktu berusia 70 tahun. Anak kelahiran dari kampung Telok, Panji, Kota Bharu, Kelantan Darul Naim ini telah mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu formal di Sekolah Kebangsaan Rambutan Rendang dan seterusnya ke Special Malay Class pada tahun 1943 di Sekolah Sultan Ismail Kota Bahru, Kelantan, yang kemudiannya menjadi Maktab Sultan Ismail atau Sultan Ismail College sehingga beliau menginjak ke Tingkatan 5. Beliau kemudian memperoleh Higher School Certificate (HSC) di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Star Kedah (Ummi Zainab & Azizan, 2018: 108-109). Pada tahun 1963, beliau menyambung pengajian di Universiti Malaya Kuala Lumpur (UM) dan mendapat ijazah sarjana muda dalam bidang Pengajian Islam pada tahun 1966. Kemudian beliau dilantik menjadi tutor dan dalam masa yang sama, beliau meneruskan pengajian ke peringkat seterusnya, sehingga mendapat ijazah sarjana pada tahun 1969. Seterusnya, beliau mengajar di Jabatan Pengajian Islam, UM sehingga tahun 1973 (Adli, 2017: 2).

Setelah itu, beliau kembali ke Kelantan sebagai seorang penulis dan pendakwah bebas dalam menyedarkan masyarakat tentang isu-isu kontemporari (Adli, 2017: 2), antaranya penyelewengan al-Arqam, Syiah, bahaya fahaman Islam liberal, fahaman feminism dan sebagainya, sekaligus memperlihatkan sumbangan beliau yang amat besar dalam lapangan dakwah Islam di Malaysia. Banyak buku dan kertas kerja yang dihasilkan berkaitan pemikiran Islam pada zaman moden, begitu juga pencerahan beliau mengenai perbezaan di antara istilah *modernist Islam* dan Islam Liberal. El-Muhammady juga menekankan bahawa fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah perlu dikukuhkan di kalangan penduduk Asia Tenggara, khususnya di Malaysia.

Selain itu, el-Muhammady turut memperkenalkan pendekatan sufi dalam kehidupan beliau, di samping ciri-ciri kesusasteraan, kesenian dan kebudayaan yang selari dengan ajaran Islam berpaksikan wahyu yang saih menerusi tasawwuf. Sumbangan pemikiran beliau dalam sastera Islam telah diiktiraf oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) sehingga beliau dilantik sebagai felo kehormat sejak tahun 1995 hingga tahun 2008 sebelum dilantik semula pada tahun 2010. Kemudian, pada tahun 1995, beliau dikurniakan Ijazah Doktor Persuratan Kehormat (D. Litt.) oleh Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai penghargaan terhadap usaha-usaha beliau dalam menyampaikan pemikiran Islam dan dakwah menerusi penulisan-penulisan beliau, selain dianugerahkan sebagai Tokoh Maal al-Hijrah yang ke-19 (1426H). Antara lapangan kajian beliau ialah ilmu Islam dan falsafah Barat, pemikiran Islam kontemporari, Aqidah Sunni dan pandangan umat Islam Nusantara terhadap sesuatu isu yang melingkari kehidupan mereka (Adli, 2017: 2-3).

Antara puisi-puisi beliau ialah *Kembara ke Sufi Hamzah Fansuri* (telah dideklamasikan di seminar pemikiran Hamzah Fansuri di Indonesia (2002), *Mari Membina Ekonomi Umat* (telah dideklamasikan dalam Minggu Membangun Ekonomi Umat (2002), *Gugurnya Sebuah Bintang* - (telah dideklamasikan di Forum Tokoh Islam Maulana Abu Hasan ‘Ali al-Nadwi (2002), *Mari Bersatu untuk Palestin* (telah dideklamasikan dalam Karnival Bersama Hayati Keindahan Islam (2002), *Sebuah Lagu Merdu dari Tunis* (telah dideklamasikan di Wacana Intelektual Ibnu Khaldun (2002) dan *Here I Stand* (telah dideklamasikan dalam Malam Ambang Merdeka Putrajaya (2004). Jiwa tasawuf beliau dapat dilihat dengan jelas menerusi karya-karya yang dihasilkan, bahkan karya-karya ini menggunakan bahasa yang sangat indah dan halus. Penulisan beliau juga berkisar masa depan ummah, tokoh sastera, serta pergelakan di negara Islam luar negara. (<http://ukmsyariah.org/terbitan/wp-content/uploads/2017/11/06-Muhammad-Uthman-El-muhammady-Analisis-Sumbangannya-Dalam-Penulisan-Aizan-Ali-Mat-Zin-Siti-Hajar-Aziz.pdf>)

## Konsep Sastera Islam Menurut Muhammad Qutb

Merujuk karya Muhammad Qutb (1983: 6) berjudul *Manhaj al-Fann al-Islami*, beliau mendefinisikan sastera Islam atau seni Islam sebagai:

إنما هو الفن الذي يرسم صورة الوجود من زاوية التصور الإسلامي لهذا الوجود. هو التعبير الجميل عن الكون، والحياة، والإنسان، من خلال تصور الإسلام للكون، والحياة، والإنسان.

Maksudnya, “*Seni yang melakarkan gambaran bagi segala yang wujud dalam kehidupan berpaksikan kepada fikrah Islam, juga satu ungkapan indah mengenai kejadian, kehidupan dan insan berpandukan tasawwur Islam yang benar lagi sahih*”.

Muhammad Qutb juga memperincikan bahawa seni Islam itu merupakan kombinasi atau gabungan yang utuh antara *al-Jamal* dan *al-Haqq*. *Al-Jamal* merupakan hakikat sebenar yang mewarnai sesuatu kejadian, manakala *al-Haqq* pula ialah kemuncak kepada *al-Jamal*. Kedua-dua ciri ini akan bertemu di puncak yang menempatkan segala hakikat dan kebenaran tentang kejadian dan kewujudan (Adi, Zulkarnain, Pabiyah, 2016: 17)

Muhammad Qutb telah menyebut di dalam bukunya *Manhaj al-Fann al-Islami* bahawa sastera (الفن) (الأدب) ialah seni. Seni mewakili segala gambaran yang wujud mengikut tasawur Islam dan penghasilan sastera berlaku dalam tiga peringkat:

**Pertama:** Persediaan jiwa dengan perasaan dan pengalaman yang baru.

**Kedua:** Mendalami perasaan itu melalui hati dan jiwa yang mendalam sehingga perasaan dan pengalaman itu bercampur bersama gelojak jiwa sehingga menzahirkan ciri-cirinya yang pelbagai.

**Ketiga:** Menyampaikan pengalaman dan perasaan itu melalui ungkapan dan kenyataan (Muhammad Qutb, 1983: 6).

Muhammad Qutb menjelaskan bahawa ungkapan seni mempunyai hubung kait dengan perasaan atau jiwa yang tersimpan di dalam hati manusia, yang berusaha untuk

menzahirkannya dalam ungkapan yang indah. Muhammad Qutb juga menegaskan bahawa *title* Islam atau muslim sahaja tidak mampu untuk mencipta seni Islam dan hasil karya seseorang muslim masih tidak dianggap seni, walaupun seseorang Muslim itu dianugerahkan kemampuan dan kebolehan dalam menyampaikan ungkapan atau mampu melahirkan idea Islam. Seni pada pandangan Muhammad Qutb bukanlah semata-mata idea atau falsafah atau kefahaman, tetapi seni adalah pengalaman emosi yang terkandung dalam perasaan yang diterima, yang bergelanjak di dalam jiwa penulis dan hal ini turut di akui oleh Sayyid Qutb di dalam buku beliau bertajuk *Fi al-Tarikh: Fikrah wa Minhaj* (2001: 28):

وهو التعبير الناشئ عن امتلاء النفس بالمشاعر الإسلامية

*Maksudnya: “Suatu ungkapan yang lahir daripada jiwa yang bergelanjak, bercampur bersama perasaan keislaman”.*

Melalui pengalaman dan emosi yang dirasai oleh seseorang penulis serta berteraskan realiti, penulis mampu mengungkapkannya menerusi watak dan peristiwa untuk dipersembahkan dalam karyanya bagi tujuan dakwah. Seni juga menterjemahkan *waqi'iyyah* (realiti) berdasarkan pengalaman emosi seseorang penulis, seolah-olah dia mampu melihat peristiwa lepas dan akan datang.

Muhammad Qutb dilihat agak *moderate* atau tergolong dalam golongan pertengahan dalam membahaskan sastera Islam. Beliau menjelaskan bahawa seni terbahagi kepada dua iaitu seni am dan seni khas. Seni am ialah seni yang tiada kaitan dengan unsur alam dan kehidupan atau mempunyai sedikit gambaran tentang Islam atau langsung tiada, tidak mengikut konsep Islam dan tiada sebarang ciri-ciri yang bertentangan dengan konsep keislaman. Berbeza dengan seni khas iaitu segala yang mempunyai hubung kait antara satu sama lain, antara alam, manusia dan kehidupan dengan Allah s.w.t. Apa yang membezakannya hanyalah sama ada karya tersebut mengikut manhaj atau konsep Islam secara syumul atau menjadikannya sekadar sebahagian daripada karya atau langsung tidak berkonsepkian Islam.

Maka, kita dapat bahawa pandangan Muhammad Qutb jelas bahawa al-Quran ialah sumber asas dalam sastera atau seni Islam. Al-Quran menawarkan gambaran atau sudut pandang yang sempurna mengenai alam, kehidupan dan manusia kepada kita serta didalamnya turut terkandung matlamat dan tujuan seni. Justeru, al-Quran merupakan sumber yang paling sempurna dalam semua konsep seni yang mengungkapkan tentang kehidupan, berlandaskan ajaran Islam dan inspirasi dari alam.

### Ciri-Ciri Tasawur Islam Menurut Muhammad Qutb

Isu yang akan diperbahaskan dalam topik ini ialah ciri-ciri tasawur (gambaran) Islam menurut Muhammad Qutb. Sebagaimana yang diketahui umum, unsur ketuhanan, alam dan kehidupan merupakan aspek penting dalam penghasilan karya menurut Muhammad Qutb.

#### Pertama: Hakikat Ketuhanan

Menurut Adli dan Rahmah (2009: 188-189) hakikat ketuhanan ialah keimanan yang diilhamkan oleh Allah s.w.t. dan berbeza dengan semua persepsi falsafah Barat yang dicipta oleh pemikiran manusia tentang hakikat ketuhanan atau hakikat penciptaan alam dan hakikat manusia. Bagi mereka, kepercayaan adalah semata-mata daripada perasaan, imaginasi dan persepsi manusia sahaja.

Muhammad Qutb menjelaskan bahawa hakikat ketuhanan ialah hakikat yang tulen dan benar, tidak ada penyelewengan sebagai mana yang terjadi dalam agama-agama lain. Hakikat ketuhanan ini merupakan hakikat yang indah. Manusia melalui hakikat ini terarah kepada Allah melalui bukti-bukti kewujudan pada alam ini dan juga terarah kepada-Nya melalui kekuasaan-Nya dalam mentadbir setiap sesuatu. Maka, kedudukan makhluk sebagai hamba Allah, pencipta sekalian alam ialah melalui kecintaan, ketaatan dan berserah kepada-Nya (Muhammad Qutb, 1983: 16).

### **Kedua: Alam**

Hakikat alam merangkumi langit dan bumi. Alam tercipta mengikut arahan dan kehendak Allah s.w.t. Hakikat alam dalam tasawur (gambaran) Islam merupakan suatu perkara yang indah, mempunyai kehidupan, boleh bergerak, mempunyai perasaan, ada nilai simpati dan empati kepada manusia (Muhammad Qutb, 1983: 23).

### **Ketiga: Kehidupan**

Kehidupan merupakan satu nikmat kurniaan Allah s.w.t. yang amat besar kepada manusia. Di dalamnya, terdapat pelbagai rezeki serta faedah yang telah Allah sediakan untuk kemudahan makhluk-Nya. Dalam konteks ini, Muhammad Qutb (1983: 23) berpandangan bahawa kehidupan meliputi segala tumbuhan dan haiwan termasuk keindahan-keindahan yang terdapat pada kedua-duanya serta sebarang manfaat daripadanya. Hal ini termasuk keindahan warna dan bentuk yang pelbagai, serta kecantikan yang terdapat pada sesuatu kejadian sehingga membuatkan jiwa tenggelam tatkala melihatnya.

Tuntasnya, *al-Jamal* atau keindahan merupakan unsur teras dalam pembinaan alam dan kehidupan, supaya manusia dapat menikmatinya dan mensyukuri Allah, penciptanya. Maka, *al-Jamal* dalam alam dan kehidupan ini mempunyai makna yang jelas mengikut pandangan tasawur Islam.

### **Keempat: Manusia**

Firman Allah s.w.t.:

لَقَدْ خَلَقْنَا إِلَّا نَسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

*Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya)”.*

*Surah al-Tin: 4.*

Hakikat penciptaan manusia sangat unik dan berbeza keadaannya berbanding makhluk ciptaan Allah s.w.t. yang lain, sehingga diiktiraf oleh Allah s.w.t sebagai sebaik-baik makhluk yang diciptakan oleh-Nya. Begitu juga dengan hal ibadah, segala kerja yang dilakukan oleh manusia akan dikira dan dihitung pada hari kiamat. Menurut tasawwur Islam, manusia berasal daripada dua unsur yang berlainan, iaitu: tanah di bumi dan tiupan ruh dari Allah. Hal ini bermaksud jasad manusia mempunyai unsur yang kuat daripada segala unsur alam; kerana berasal daripada tanah, manakala tiupan ruh pula bermakna penciptaan manusia daripada ruh yang suci dan kuat pada diri manusia, sehingga membentuk seorang manusia (Muhammad Qutb, 1983: 33).

## Ciri-Ciri Sastera Islam Mengikut Muhammad Qutb

### Al-Waqi'iyyah (*Realisme*)

*Realisme* dalam tasawur Islam ialah perhubungan hakikat yang wujud secara jelas dan yakin. Tidak sekadar gambaran akal semata-mata dan bukan juga angan-angan yang tidak berpijak pada alam nyata. Muhammad Qutb (1983: 129-130) menyetujui bahawa kelemahan merupakan ciri-ciri manusia secara semulajadi, namun begitu, manusia tidak digalakkan untuk memperlihatkan sisi kelebihan serta kekurangan mereka, walaupun perkara itu adalah realiti. Adapun, dalam tasawwur Islam yang berpaksikan di atas jalan sahih, manusia dituntut agar memuliakan manusia lain sebagai khalifah Allah di dunia, sebagaimana firman Allah di dalam surah al-Tin yang mengiktiraf manusia sebagai sebaik-baik makhluk ciptaanNya.

### Perasaan Manusia

Islam mengiktiraf perasaan manusia selagi mana perasaan itu tidak berpaling daripada manhaj Islam. Sebagaimana yang telah dibincangkan di awal makalah, unsur emosi menurut Muhammad Qutb telah diperbahaskan secara sangat halus. Perasaan manusia itu sendiri merupakan gambaran kepada sastera (Muhammad Qutb, 1983: 65). Sebagai contoh, seseorang pengkarya hanya menghasilkan dan mengolah sesuatu tajuk semata-mata mengikut akal fikirannya sahaja, maka hal ini tidak dianggap sebagai seni, walaupun tajuk yang diolahnya berkaitan perasaan dan emosi; kerana karya itu hanya mengikut akal fikirannya sahaja, bukan lahir daripada jiwanya. Namun, sekiranya sesuatu tajuk itu kaku, tetapi di dalamnya wujud unsur seni dan pengkarya tersebut mampu menghayati tajuk dengan hati dan jiwanya, kemudian berjaya menyampaikan perasaannya dengan gambaran yang memberi kesan ke dalam jiwa pembaca, sudah pasti akhirnya hubungan di antara perasaan manusia dan alam kehidupan dapat diterjemahkan melalui karya-karya yang dihasilkan, maka hal ini dianggap sebagai seni.

### Keindahan (*Al-Jamal*)

Tidak lengkap sekiranya perbahasan tentang seni tanpa unsur keindahan. Menerusi ciri-ciri keindahan, Muhammad Qutb (1983: 85-86) berpandangan bahawa manusia mempunyai deria yang mampu mengesan unsur keindahan. Namun begitu, hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah keindahan merupakan sesuatu yang tidak mampu dihitung dan dinilai; kerana keindahan adalah tindakan refleks yang tidak boleh diukur melalui fikiran. Menurut beliau lagi, fikiran pada kebiasaannya akan menilai keindahan dengan meletakkan syarat serta ukuran tertentu. Oleh sebab itu, dalam menilai keindahan, tiada neraca khusus bagi menentukan tahap sesuatu keindahan.

### Takdir (Al-Qadr)

Muhammad Qutb (1983: 99) di dalam kitab beliau menggambarkan *al-Qadr* pada perasaan manusia sebagai sesuatu yang meresahkan dan menyeramkan; kerana lafaz ini merujuk kepada takdir (ketentuan) dan tadbir (perbuatan) Allah yang berada di luar lingkungan kotak fikiran manusia. Sejak dari zaman dahulu, seni banyak menghuraikan tentang takdir melalui genre puisi, cerita dan pementasan, sebagai contoh, sastera Yunani secara khususnya mengutamakan perbicaraan tentang takdir dalam karya-karya seni (Muhammad Qutb, 1983: 109).

Adapun dalam Islam, pemahaman berkaitan takdir sangat ditekankan, malah perkara ini merupakan rukun iman ke enam bagi umat Islam, sekaligus menunjukkan persoalan tentang takdir merupakan perkara besar di sisi Islam. Sebagai umat Islam, kita dilatih untuk menerima takdir dengan penuh keredhaan tanpa sebarang syak wasangka dan memahami akan setiap ketentuan Allah dengan hati yang lapang dan terbuka. Hal ini merupakan titik tolak yang membezakan antara agama Islam dengan agama-agama lain.

### Kebenaran Akidah

Akidah merupakan persoalan akar dalam isu pembentukan jiwa manusia. Akidah merupakan elemen terpenting dalam diri manusia; kerana akidah yang benar akan menentukan kekuatan iman manusia. Dalam konteks ini, Muhammad Qutb (1983: 117) menyatakan bahawa perasaan suka kepada seni merupakan satu fitrah. Hal ini memandangkan emosi merupakan unsur utama yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan manusia. Justeru, kecenderungan emosi terhadap seni berteraskan akidah tauhid mampu melahirkan karya seni yang berada dalam lingkungan ketauhidan. Akidah yang betul dan tiada unsur penyelewengan mampu melahirkan suatu mesej dakwah yang dapat dirasai oleh manusia sejagat. Namun begitu, ungkapan yang berhasil tidak semestinya mengenai akidah secara langsung, tetapi perkara yang paling penting ialah ungkapan tersebut hendaklah bersandarkan kepada akidah dalam menggambarkan kehidupan manusia.

Berdasarkan ciri-ciri di atas, dapat disimpulkan bahawa, Muhammad Qutb sangat menghalusi makna sastera itu sendiri. Penekanan yang diberikan tentang perasaan sasterawan adalah bermaksud pengalaman emosi yang dirasai sendiri oleh sasterawan dalam menghasilkan karya-karya yang mampu menyentuh jiwa manusia. Dalam setiap perincian yang dibentangkan oleh Muhammad Qutb mengenai ciri-ciri sastera Islam, beliau tetap menghubungkan antara unsur kejiwaan, alam dan manusia.

### Konsep Sastera Islam Muhammad Uthman el-Muhammady

Menurut Mustafa (1994: 8-9) di dalam buku bertajuk *Kesusasteraan Dalam Tamadun Islam*;

*“El-Muhammady mendefinisikan kesusasteraan Islam sebagai seni suci. Iaitu seni suci yang mengandungi isi yang mengagungkan Allah S.W.T., suci daripada pengaruh keduniaan, kebendaan, nafsu dan sebagainya. Ia semata-mata dipenuhi dengan keikhlasan, keimanan, ketaqwaan dan pengibadatan. Hal ini disebabkan al-Quran sebagai sumber kesusasteraan itu merupakan kitab suci, kalam Allah S.W.T. yang qadim, lagi azali dan wahu bersifat suci dan benar secara mutlak tidak tercemar, terpelihara dan sempurna sepanjang zaman. Oleh itu, karya kesusasteraan menurut el-Muhammady mestilah meniru al-Quran daripada segi isi yang suci dan murni dan sentiasa mendampingkan diri dengan Allah S.W.T.”*

El-Muhammady telah memfokuskan perbincangan mengenai sastera Islam secara jelas dan terperinci termasuk ciri-ciri yang perlu ada di dalam sastera Islam dalam buku beliau berjudul *Memahami Islam, Insan, Ilmu dan Kebudayaan* di dalam bab 8, *Ke arah melahirkan Tradisi Persajakan Islam*. Kajian mendapati bahawa terdapat tiga faktor penting yang memacu sastera Islam menurut definisi el-Muhammady;

**Pertama, elemen dalaman yang terdapat pada seni itu sendiri.** Sastera Islam menurut el-Muhammady ialah seni suci (*Sacred Art*) yang berunsurkan tradisi iaitu “anti-moden”, yang mana sifatnya berbeza daripada seni dunia yang hanya menumpukan aspek zahiriah semata-mata tanpa mengira kualiti isi kandungan. Sifatnya bebas dari segala anasir yang melalaikan, pengaruh kebendaan, keduniaan, nafsu yang membawa manusia ke arah kejahatan dan kebuntuan. Kerangka dan isinya hendaklah dipenuhi unsur ketakwaan, keimanan serta keikhlasan yang mampu membawa manusia dekat kepada pencintanya. El-Muhammady (1982: 203) dalam karya beliau menyebut:

*“Sifat sebagaimana seni suci berbeza daripada seni dunia (profane), ia timbul bukan sahaja kerana ianya ditentukan dari segi kandungannya oleh ajaran Islam tentang ketuhanan, alam dan manusia, yang merupakan penceran dari kebenaran yang ada tauhid yang terkunci dalam dua kalimah syahadat, tetapi juga oleh taraf “ilham” yang merupakan saluran baginya, sesuatu yang menghubungkan alam yang supernatural dalam pengertian asalnya dengan alam yang natural. Dalam kata-kata lain persajakan Islam adalah dari segi surah dan ma’nya bersifat keislaman, dari awal sampai ke akhirnya, dari luar sampai ke dalam.”*

**Kedua, hubungan pengkarya dengan pencipta.** Subjek perbincangan el-Muhammady juga tertumpu ke arah pembentukan dalaman manusia dan kita dapat lihat bahawa, pembentukan peribadi individu pengkarya itu sendiri adalah sangat penting, iaitu seseorang pengkarya itu perlulah mempunyai akidah yang jelas, kefahaman tentang hukum-hakam Islam yang asas, mempunyai kesedaran islah diri yang mendalam dan mempunyai hubungan intim yang sangat dekat dengan pencipta.

Beliau amat menekankan aspek tasawuf dan peranannya dalam penghasilan karya sastera. Menurut beliau, hanya tasawuf yang dapat mengawal nafsu dan gerak laku manusia daripada terjerumus ke jalan yang dimurkai oleh Allah. Menurut beliau lagi, untuk menghasilkan sesebuah karya, proses penyucian dalam kalangan para pengkarya perlu ada; kerana karya yang dihasilkan itulah yang akan memberi didikan ke dalam hati masyarakat, seterusnya dalam melahirkan generasi yang patuh pada hukum serta taqdir Allah S.W.T. Mana mungkin karya yang suci mampu dihasilkan oleh mereka yang tidak menitikberatkan soal kebersihan hati sedangkan, karya yang “hidup” perlulah lahir daripada jiwa yang “hidup” dan mampu membangunkan jiwa-jawa yang tandus (El-Muhammady, 1982: 223).

**Ketiga, sumber dan rujukan karya daripada rujukan yang benar, sahih dan bersifat *rabbaniyyah* (ketuhanan).** Penekanan yang diberikan oleh el-Muhammady terhadap sumber rujukan karya seni perlu ditekuni. Beliau sangat tegas dan konsisten sepanjang penulisan khususnya dalam buku berjudul *Memahami Islam, Insan, Ilmu dan Kebudayaan*. Hal ini dapat dilihat apabila beliau memberikan tumpuan terhadap aspek al-Quran, hadis, perbahasan ulama, hukum qias sebagai satu sumber suci yang benar dan sahih. Beliau juga turut mengiktiraf rujukan sahih sebagai cabang sastera Islam termasuk juga selawat kepada Rasulullah s.a.w, doa-doaa yang dikarang oleh para wali Allah dan salihin seperti; *Dalail al-Khairat* oleh Syaikh al-Jazuli dan *Qasidah al-Burdah* oleh al-Busairi (El-Muhammady, 1982: 222).

### Ciri-ciri Sastera Islam Menurut Uthman El-Muhammady

**Pertama,** el-Muhammady menyatakan bahawa sastera Islam ialah seni suci (*Sacred Art*), iaitu seni yang melibatkan “campur tangan” Tuhan yang membawa maksud ilham dari Allah kepada hamba-Nya (El-Muhammady, 1982: 203). Hal ini merupakan proses kepada

kehadiran rohaniah yang diperlukan oleh kehidupan dan manifestasi kedekatan hubungan makhluk dengan Tuhan (El-Muhammady, 1982: 213). Namun begitu, beliau menerangkan bahawa dalam psikologi rohaniah Islam, perbezaan antara inspirasi (ilham) murni di satu pihak (Allah) dan inspirasi palsu (*pseudo-inspiration*) atau was-was di pihak yang lain (syaitan) perlu difahami dengan sebenar-benarnya. Inspirasi menurut el-Muhammady bersifat benar dan sahih; kerana datang dari (Allah), manakala was-was bersifat palsu, mengandungi ilusi dan berpunca daripada sumber yang tidak diiktiraf. Bagi memahami kriteria kedua-dua istilah ini dengan lebih lanjut, dasar-dasar metafisika Islam dan psikologi rohaniahnya perlu difahami dengan jelas (El-Muhammady, 1982: 283-284).

**Kedua**, sastera Islam berunsurkan tradisi. Hal ini bermaksud sastera tradisi atau klasik mempunyai peranan dalam menjaga keaslian, kebenaran dan kesucian karya, tanpa perlu berlebih-lebihan dalam menggambarkan keindahan sehingga jauh daripada makna sebenar berbanding sastera bukan klasik atau moden (El-Muhammady, 1982: 284).

**Ketiga**, sastera Islam juga menitikberatkan nilai keikhlasan dalam berkarya. Tanpa keikhlasan, hasil yang diterima tidak dapat memberi apa-apa erti ibarat tin kosong. Dalam menghasilkan sesebuah karya yang bermatlamatkan dakwah dan Islam, keikhlasan merupakan unsur yang semakin pupus marcapada ini. Hakikatnya, perkiraan sesebuah hasil seni itu bukan melibatkan moden atau klasik, tetapi bergantung kepada ciri-ciri maknawiyah yang ada mengikut garis panduan tertentu (El-Muhammady, 1982: 216).

**Keempat**, Rahmah dan Shahrizal (2011: 68-69) ada menyebut tentang ciri-ciri sastera Islam yang melayakkan sesebuah karya diangkat sebagai sastera Islam. Mereka berpandangan bahawa keindahan ungkapan merupakan antara asas penting bagi sesebuah karya seni, termasuk karya yang berunsurkan Islam. Walaupun el-Muhammady dilihat agak *rigid* dalam memberikan pandangan, namun, beliau tidak sesekali mengeneppikan nilai tersebut semetalah di dalam al-Quran sendiri, wujud unsur-unsur keindahan bahasa tanpa mengabaikan makna nas. Menurut el-Muhammady lagi (1982: 216) *al-Jamal* di dalam hadis yang bermaksud: “*Sesungguhnya Allah itu indah dan Dia sukakan keindahan*”, merujuk kepada bayangan keindahan Tuhan.

Dalam pada itu, beliau tetap berwaspada serta bertegas dengan menyatakan bahawa kebenaran perlu diletakkan di atas keindahan dan hal ini turut dipersetujui oleh Shahnon (1981: 13-14) di dalam buku bertajuk ‘*Kesusasteraan Dan Etika Islam*’;

*“Pegangan ini amat bertentangan dengan konsep Islam tentang seni; malah pegangan seumpama inilah yang difirmankan oleh Allah dalam surah asy-Syu’ara’ ayat 224-227. Ayat ini menolak penyair-penyair yang berlandaskan khayalan dan imaginasi tanpa kawalan kerana akan membawa masyarakat ke lembah-lembah yang penuh durjana. Ini tidak pula bererti Islam menolak peranan imiginasi. Imiginasi sebagai satu elemen dalam penciptaan sastera kreatif amatlah penting tetapi bukan sampai menolak kebenaran dan membiar imaginasi itu melahirkan pemikiran sendiri-sendiri, seperti yang dipegang oleh tokoh-tokoh barat. Kebenaran di sini pula bukan kebenaran yang diciptakan sendiri-sendiri, tetapi kebenaran yang hakiki dari Allah. Dalam pengertian inilah Muhammad Uthman el-Muhammady menyatakan dalam sastera Islam ‘kebenaran diletakkan di atas keindahan’ dan ‘metafizika yang mengawal seni.’”*

**Kelima**, dalam aspek simbolisme (perlambangan), sastera Islam hakikatnya telah bergerak laju melangkaui zaman melalui pelbagai simbol yang terlakar di dalam kitab suci umat Islam, al-Quran. Daripada sumber ini, terdapat pelbagai kajian ilmu seperti ilmu *Kalam*, ilmu *Balaghah*, ilmu mukjizat al-Quran (*Ijaz al-Quran*) dan banyak lagi. Dalam konteks ini, El-Muhammady (1982: 212) menyatakan ciri-ciri seni Islam iaitu dengan merujuk kepada simbol-simbol dalam seni tradisional lain seperti seni khat dan seni bina.

Menurut beliau juga, perlambangan itu bukan sekadar pengalaman yang dibuat-buat atau direka-reka, tetapi pengalaman rohaniah daripada pengkarya sendiri yang diturunkan daripada pancaran intuisi (gerak hati) sehingga terhasilnya simbol-simbol yang mampu memberi impak kepada manusia untuk berfikir (El-Muhammady, 1982: 217).

**Keenam**, sastera Islam juga menyampaikan mesej universal ('*alamiyyah*) menerusi al-Quran, sebagai ikutan yang relevan bagi umat manusia terdahulu, sekarang mahupun yang akan datang. El-Muhammady menyebut bahawa kandungan tentang peristiwa-peristiwa dan karakter-karakter tertentu dalam al-Quran tidak menjatuhkan nilai al-Quran sebagai kitab suci, yakni setaraf dengan akhbar atau bahan dokumentasi lain tetapi peristiwa yang terdapat di dalam al-Quran seperti kisah Fir'aun dan Nabi Musa serta kisah-kisah lain hanya bertujuan untuk memberi perkhabaran kepada manusia dan menyampaikan mesej kepada umat sejagat tentang keuniversalan al-Quran yang mampu merakam peristiwa lalu, sekarang dan akan datang (El-Muhammady, 1982: 217).

**Ketujuh**, sastera Islam juga membawa unsur positif yang mampu memberi panduan hidup kepada manusia. Melalui sastera ini, manusia mendapat kekuatan untuk meneruskan kehidupan serta mampu berjaya dengan cemerlang. Antaranya, dengan menginspirasikan cabaran-cabarhan kehidupan dan peradaban yang dihadapi oleh Rasulullah s.a.w. serta sifat-sifat kepahlawanan Baginda sebagai salah satu daripada tema-tema terpenting dalam sastera Islam. Selagi mana karya yang dihasilkan tidak bertentangan dengan ajaran yang dibawa oleh Islam dan membawa unsur positif, maka karya tersebut dianggap mewakili tradisi kesusasteraan yang sebenar (El-Muhammady, 1983: 220).

**Kelapan**, sastera Islam berlandaskan akhlak Islamiah yang tulen. Di awal kajian ini, ada dinyatakan bahawa el-Muhammady sentiasa menekankan soal prinsip penyucian jiwa. Tanpa sumber yang suci, mana mungkin terhasilnya karya yang suci yang mampu menggugah jiwa masyarakat. Begitu juga apabila seseorang pengkarya tidak mempunyai akhlak yang mulia, tidak memahami pengertian Islam yang sebenar serta tidak memiliki hubungan yang intim dengan Pencipta, maka amat mustahil nilai-nilai kesusasteraan Islam dapat dikekalkan dengan prinsip penyucian jiwa.

**Kesembilan**, sastera Islam dan tasawuf mempunyai hubung kait yang sangat erat. El-Muhammady menegaskan bahawa, sastera Islam tidak dapat lari daripada tasawuf. Tasawuf merupakan proses menuju pembebasan jiwa daripada unsur-unsur *lagha*. Melalui proses tasawuf, karya-karya yang dihasilkan akan dipenuhi ruh-ruh keimanan yang suci daripada kejahilan. El-Muhammady percaya bahawa apabila manusia dalam 'keadaan senyap', iaitu khusyuk dalam beribadah dan menjaga hubungan dengan Allah, manusia akan melalui beberapa peringkat kenaikan iman dalam jiwa. Setiap peringkat tersebut akan dilalui oleh mereka yang tunduk dan patuh pada prinsip ilahiat (ketuhanan) (El-Muhammady, 1983: 223-224).

Menurut el-Muhammady (1983 :225-226) perjalanan kerohanian dapat dibahagikan kepada tiga peringkat yang besar;

*Pertamanya adalah peringkat qabd. Pada peringkat ini aspek tertentu dari dalam jiwa haruslah dihapuskan atau mati. Peringkat ini adalah berhubung dengan usaha menjayakan zuhd, taqwa dan mentaati Allah, tunduk kepada keadilan dan kebesarannya. Peringkat kedua ialah peringkat al-bast, iaitu yang di dalamnya jiwa manusia merasai perkembangan sehingga wujud manusia melintasi had-hadnya sendiri dan ia merasai kebahagiaan dan kepuasan, dan pengalaman yang demikian adalah seolah-olah diri sendiri merangkumi alam ini dalam dirinya seperti mana kata penyair Sa'di : ‘‘Saya bergembira dalam dunia kerana dunia bergembira di dalam-NYA. Peringkat ini adalah manifestasi keindahan (Jamal) dan rahmat Allah. Peringkat ketiga dinamakan al-Sama’ iaitu berkaitan dengan seni bunyi. Ia adalah peringkat di mana si hamba itu “sampai kepada al-haqq” yang bermaksud, telah mencapai perhentian rohaniah yang dinamakan fana’ dan baqa’, iaitu taraf di mana si hamba tenggelam dengan kecintaan Tuhan.*

### **Pandangan Muhammad Qutb dan el-Muhammady tentang Konsep Sastera Islam: Satu Perbandingan**

Setelah disoroti pandangan Muhammad Qutb dan el-Muhammady, kajian mendapati bahawa kedua-dua tokoh mempunyai pemikiran yang sangat kritikal dan teliti dalam membahaskan konsep sastera Islam serta ciri-cirinya. Walaupun Muhammad Qutb dan el-Muhammady datang dari dua dunia sastera yang berbeza, kedua-dua tokoh sepakat mengiktiraf bahawa sastera Islam perlu bersumberkan wahyu Ilahi yang benar lagi sahih iaitu daripada al-Quran dan al-Sunnah. Menurut kedua-dua tokoh juga, dengan berpandukan sumber rujukan yang benar, akan melahirkan kebenaran yang tulen dan hal ini penting dalam pembentukan masyarakat rabbani.

Walaupun Muhammad Qutb dalam tulisan beliau tidak menzahirkan secara jelas tentang konsep penyucian jiwa atau kepentingan tasawuf dalam diri seseorang penulis sebagaimana el-Muhammady, hakikatnya, beliau telah menyebut secara tidak langsung menerusi ungkapan-ungkapan yang berunsurkan penyucian jiwa. Kita dapat lihat melalui seruan beliau tentang gambaran hubungan manusia, alam dan kehidupan yang mana, tanpa jiwa yang bersih, serta pengalaman emosi dan perasaan, mana mungkin seseorang penulis mampu menyentuh jiwa khalayak menerusi karya-karya mereka.

Biarpun kedua-dua tokoh menggunakan ungkapan yang berbeza tentang sastera Islam; Muhammad Qutb menggunakan istilah (seni Islam) manakala el-Muhammady menggunakan istilah (persajakan Islam), namun kedua-dua tokoh mempunyai pandangan yang sama tentang sastera ini, malah mengiktirafnya sebagai medium dalam menyampaikan dakwah. Selain daripada seni penulisan dan seni pengungkapan, seni-seni yang melibatkan pengukiran seperti seni khat serta seni bina juga termasuk dalam sastera Islam.

Manakala dalam unsur keindahan, kedua-dua tokoh bersetuju mengenai ciri-ciri keindahan yang perlu ada dalam sesebuah karya. Keindahan (estetika) adalah satu ciri khas yang mampu menarik dan memberi kesan kepada jiwa pendengar atau pembaca dalam menghayati sesebuah karya. Namun begitu, keindahan tanpa kawalan ditegah dalam sastera Islam kerana dikhuatiri akan menutup kebenaran melalui keindahan yang palsu (berlebih-lebihan).

Seterusnya, merujuk kepada perbezaan pendapat di antara kedua-dua tokoh, kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan pandangan mengenai kedudukan sastera Islam. Sebagai contoh, di sisi Muhammad Qutb sastera Islam mestilah dihasilkan oleh sasterawan muslim, iaitu muslim yang jelas fikrahnya dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar serta mempunyai kemampuan dalam mengungkapkan ungkapan-ungkapan yang indah.

Manakala bagi sasterawan bukan Islam, Muhammad Qutb berpandangan bahawa karya mereka masih dikira sebagai sastera Islam. Namun begitu, karya mereka perlulah berlandaskan syarat-syarat tertentu. Sekiranya memenuhi konsep tasawur Islam walaupun sedikit dan sesuai dengan manhaj Islam, maka karya mereka boleh diterima sebagai sebahagian daripada sastera Islam. Oleh itu, beliau berpandangan bahawa karya-karya ini sekalipun dicetuskan oleh penulis bukan muslim, masih tetap terhasil daripada kaedah yang paling rendah daripada kaedah yang digunakan dalam seni Islam.

Berbeza pula dengan el-Muhammady, beliau menegaskan bahawa seseorang pengkarya hendaklah seorang muslim yang beriltizam dengan Islam dan telah melalui proses penyucian jiwa. Oleh yang demikian, amat mustahil bagi seseorang pengkarya bukan Islam melaluinya kerana mereka tidak beriman dengan akidah Islam. Menurut beliau juga, mana mungkin seseorang yang bukan muslim melalui proses hubungan secara terus dengan penciptanya tanpa melalui akidah Islam yang sebenar. Beliau meletakkan sastera Islam sebagai suatu seni yang suci dan terhasil daripada sumber yang jelas iaitu al-Quran dan al-Sunnah, malah sastera ini diangkat oleh beliau sebagai sastera yang mempunyai kedudukan yang tersendiri dan tidak selayaknya untuk dibandingkan dengan cabang sastera lain.

## Kesimpulan

Menerusi kajian di atas, dapat dilihat kesepakatan Muhammad Qutb dan el-Muhammady dalam merujuk al-Quran dan al-Sunnah sebagai teras kepada sastera Islam. Sebagaimana yang telah ditegaskan oleh el-Muhammady (1983: 220), sastera Islam mestilah berunsurkan positif yang mampu menarik masyarakat ke arah yang lebih baik serta menyeru mereka kepada rasa kehambaan selain penekanan terhadap unsur akhlak Islamiah yang syumul. Walaupun sastera ini mempunyai hubung kait yang sangat erat dengan unsur keindahan, bertujuan menarik perhatian khalayak umum, namun begitu keutamaan perlu diberikan terhadap isi kandungannya terlebih dahulu agar objektif dan mesej dakwah dapat disampaikan dengan jelas dan tidak disalahertikan. Apa yang penting, dalam menghasilkan karya yang berbentuk dakwah, ciri-ciri seperti menjaga hubungan akrab dengan pencipta adalah sangat dituntut. Hasil daripada penyucian diri dan rasa kehambaan, keikhlasan serta rasa bertuhanan dapat melahirkan penulis dan sasterawan Islam yang mampu memberi kefahaman kepada masyarakat menerusi kekuatan hubungannya dengan Allah secara langsung, hai ini penting baginya dalam meneruskan agenda dakwah.

## Rujukan

- Al-Quran Al-Karim Pimpinan ar-Rahman.
- Adli bin Haji Yaacob. 2007. Satu Analisis Ringkas Konsep dan Teori Sastera Islam di Malaysia. *Islamiyat*, Vol 29.
- Adli bin Haji Yaacob. (2017). Konsep Sastera Islam Mengikut Uthman el-Muhammady. *Journal of Global Business and Sosial Entrepreneurship (GBSE)*, Vol 1, No 4.

- Adli bin Haji Yaacob & Rahmah Ahmad H. Osman. 2009. *Manahij al-Adab al-Islami 'inda al-Udaba'* al-Malayuwiyin wa al-'Arab fi al-'Asr al-Hadith. Kuala Lumpur: IIUM PRESS.
- Aizan Ali Mat Zin & Siti Hajar Aziz. n.d.. Muhammad Uthman el-Muhammady: Analisis Sumbangannya dalam Penulisan. <http://ukmsyariah.org/terbitan/wp-content/uploads/2017/11/06-Muhammad-Uthman-El-muhammady-Analisis-Sumbangannya-Dalam-Penulisan-Aizan-Ali-Mat-Zin-Siti-Hajar-Aziz.pdf>
- Al-Jazeera Encyclopedia: <http://www.aljazeera.net/encyclopedia/icons/2014/4/8/محمد-قطب>. (13/12/2018) (Tarikh website ini dilayari)
- Al-Mubarrid, Abi al-'Abas Muhammad Bin Yazid. 1997. *al-Kamil fi al-Lughah wa al-Adab*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Badri Najib Zubir & Nursafira Ahmad Safian. 2013. Mafhum al-Adab al-Islami 'inda al-Adib Muhammad Hasan Burayghish: Dirasah Wasfiyyah Tahliliyyah. *Journal of Linguistic and Literary Studies*, Vol 4, No 1.
- Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi, Zulkarnain Mohamed, Pabiayah Toklubok @Hajimaming. 2015. Sorotan Literatur Perbandingan Gagasan Sastera Islami Sayyid Sayyid 'Abd al-Raziq dan Mohd Affandi Hassan. *International Journal of Islamic Thought*, Vol 8.
- Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi, Zulkarnain Mohamed, Pabiayah Toklubok @Hajimaming. 2016. Perbandingan Definisi Sastera Islami Menurut Pandangan Sarjana Dunia Arab Dan Alam Melayu. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, Vol 3, No 1.
- Mohd Faizal Musa. 2012. Fenomena Sastera Islam di Indonesia. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)*, Vol 30, No 1.
- Muhammad Bukhari Lubis. 2015. Sastera Islam Bukan Sekadar Polemik. 4. (Nazmi Yaakub: Penemu bual), *Berita Harian*, 13 Disember. (Tarikh makalah ini diterbitkan dalam BH)
- Muhammad Uthman El-Muhammady. 1982. *Memahami Islam, Insan, Ilmu dan Kebudayaan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Mustafa Haji Daud. 1994. *Kesusasteraan Dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nur Chalis Sofyan. 2004. *Sastera Arab Sebuah Pengantar*. Banda Aceh: Al-Raniry Press.
- Qutb, Muhammad. 1983. *Manhaj al-Fann al-Islami*. Bayrut: Dar al-Syuruq.
- Qutb, Sayyid. 2001. *Fi al-Tarikh: Fikrah wa Minhaj*. Bayrut: Dar al-Syuruq.
- Rahmah Ahmad H. Osman & Mohd Shahrizal Nasir. 2011. Sastera Islam: Satu Perbandingan Antara Pandangan Mohd. Affandi dan Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi. *Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa & Kebudayaan Melayu (e UTAMA)*, Vol 3.
- Rosni bin Samah. 2015. Perkembangan Sastera Islam dalam Perkembangan Sastera Arab Moden. *International of the Malaya World and Civilisation*, Vol 3, No 2.
- Shafie Abu Bakar. 2000. *Persuratan Melayu: Pengucapan Tamadun Islam dalam Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. 1981. *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ummi Zainab Mohd Ghazali & Muhammad Azizan Sabian. 2018. Sumbangan Pemikiran dan Perjuangan Dakwah Muhammad Uthman El-Muhammady di Malaysia (1943-2013). *Akademiqa*, Vol 88, No 1.